

**KONSEP DAN APLIKASI TAKLIK TALAK DI TERENGGANU:  
ANALISIS DARI PERSPEKTIF MAQĀṢID AL-SHARĪ'AH**

**CONCEPT AND APPLICATION OF TAKLIK TALAK IN  
TERENGGANU: ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVE OF  
MAQĀṢID AL-SHARĪ'AH**

**Muhammad Ikhwan Abrahman**

Sekolah Sains, Teknologi & Pengurusan (SOSTM),  
Kolej Yayasan Pahang, 25200 Kuantan Pahang.

**Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi\***

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith,  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Muhammad Amin Roslan**

Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh,  
Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan,  
Universiti Islam Antrabangsa Malaysia,  
53100 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Solahuddin Ramli**

Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IiBF),  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),  
53100 Kuala Lumpur, Malaysia.

*\*Corresponding Author's Email: dzuldzuraidi@gmail.com*

---

**Article History:**

*Received : 17 September 2024*

*Accepted : 25 November 2024*

*Published : 26 December 2024*

*© Penerbit Universiti Islam Melaka*

---

**To cite this article:**

Abrahman, M. I., Dzulraidi, D. H., Roslan, M. A. & Ramli, S. (2024). Konsep dan Aplikasi Taklik Talak di Terengganu: Analisis dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī'ah. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 170-189

**ABSTRAK**

Tema taklik talak sehingga kini mengundang perbincangan yang panjang dalam kalangan sarjana Islam. Perselisihan pandangan antara para ilmuwan Islam berlaku disebabkan beberapa teks syariat kelihatan seperti saling bercanggah dalam isu ini.

Namun begitu, realitinya taklik talak diamalkan secara rasmi di Malaysia kecuali Perlis dengan hujah untuk menjaga maslahat seorang isteri dan menghilangkan kemudaratan. Justeru, kajian ini dihasilkan untuk meneliti konsep dan aplikasi taklik talak di Terengganu menurut perspektif *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Hal ini berikutan *Maqāṣid al-Sharī'ah* merupakan parameter rasmi dalam mengukur maslahat sesuatu isu. Kajian menggunakan metode dokumentasi karya-karya klasik dan kontemporari dan artikel-artikel akademik sebagai pengumpulan data. Selain itu, metode analisis kandungan segala bahan yang dikumpulkan akan digunakan dalam kajian ini agar hasil yang tuntas diperoleh. Hasil kajian mendapati hukum taklik talak adalah sah menurut Syariah Islamiyah seperti mana yang dijelaskan dalam kajian ini. Selain itu, konsep dan aplikasi taklik talak di Terengganu juga bertepatan dengan taklik talak dalam Islam. Justeru itu kajian mencadangkan sebuah kajian lanjutan untuk mengukur kesan taklik talak terhadap psikologi wanita agar sebuah dapatan rintis dapat diperoleh.

**Kata kunci:** taklik talak; Terengganu; *Maqāṣid al-Sharī'ah*; maslahat; Syariah Islamiyah

## **ABSTRACT**

*The topic of taklik talak has been a subject of extensive discussion among Islamic scholars. Disagreements arise among these scholars due to apparent contradictions in Sharia texts regarding this issue. However, in reality, taklik talak is practiced officially in Malaysia except in Perlis, with the argument being to safeguard the welfare of wives and eliminate harm. Therefore, this study is conducted to examine the concept and application of taklik talak in Terengganu from the perspective of Maqāṣid al-Sharī'ah. This is because Maqāṣid al-Sharī'ah serves as the official parameter in assessing the maslahat of any issue. The study utilizes the method of documenting classical and contemporary works as well as academic articles for data collection. Additionally, content analysis of all gathered materials will be employed in this study to ensure comprehensive results. The findings of the study indicate the legal rulings on taklik talak. Furthermore, the concept and application of taklik talak are explored. Hence, it is suggested that further research be conducted on the application of the talak system in Perlis from the perspective of Maqāṣid al-Sharī'ah to achieve harmony among all conflicting parties.*

**Keywords:** taklik talak; Terengganu; *Maqāṣid al-Sharī'ah*; maslahat; legal rulings

## **1.0 PENGENALAN**

Amalan taklik talak di Malaysia merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi. Kesemua negeri di Malaysia mengamalkan amalan pembacaan lafaz taklik talak setelah akad nikah dijalankan, kecuali negeri Perlis yang tidak mengamalkan amalan berikut (Nurul Hidayah, 2019). Setiap negeri di Malaysia mempunyai lafaz taklik yang tersendiri dan berlainan, namun variasi ini akhirnya berbalik kepada tujuan yang sama iaitu menjaga kebajikan dan maslahat isteri. Kajian ini akan

menumpukan kepada pelaksanaan amalan taklik talak di negeri Terengganu, dengan membahaskan aplikasinya menurut perspektif *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Lafaz taklik rasmi yang diamalkan di negeri Terengganu adalah seperti berikut:

*“Bahawa saya (nama suami) dengan sesungguhnya melafazkan bahawa tiap-tiap kali saya tidak bersekedudukan dengan isteri saya (nama isteri) selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus-putus, sama ada saya meninggalkan dia atau dia meninggalkan saya, dengan ikhtiar atau terpaksa dan tatkala mengadu dia kepada Hakim Syarie dan tatkala sabit pada sisinya di atas ketiadaan sekedudukan selama itu, maka tertalaqlah isteri saya (nama isteri) dengan satu talaq.”*

Amalan melafazkan taklik talak dengan lafaz yang tertera sudah tidak asing lagi dalam masyarakat di Terengganu. Namun, persoalan timbul mengenai bagaimana amalan taklik ini dinilai menurut perspektif *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Justeru, kajian ini akan menjelaskan pelaksanaan amalan tersebut dan mengukur sejauh mana ia selari dengan prinsip *Maqāṣid al-Sharī'ah* yang bertujuan untuk menjaga lima objektif utama: agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Kajian ini penting kerana ia menyediakan pemahaman mendalam tentang amalan taklik talak di Terengganu dan menghubungkannya dengan prinsip *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Dengan menganalisis pelaksanaan amalan ini, kajian ini dapat menilai sejauh mana ia berkesan dalam menjaga kebajikan dan maslahat isteri, yang merupakan salah satu objektif utama *Maqāṣid al-Sharī'ah*.

## 2.0 SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam (Idris *et al.*, 2018:76) seperti mengkaji berkenaan konsep taklik talak di Terengganu dan aplikasinya menurut perspektif *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Ini disebabkan dalam mengenal pasti konsep dan aplikasi taklik talak di Terengganu memerlukan rujukan terhadap laporan-laporan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Syariah agar kefahaman yang tepat dapat dikeluarkan. Selain itu, bagi mendapatkan hasil mengenai aplikasi taklik talak di Terengganu daripada perspektif *Maqāṣid al-Sharī'ah* pula menuntut kepada sumber-sumber seperti kitab fiqh mazhab, fiqh kontemporari dan sebagainya supaya kefahaman yang tepat dan parameter yang jelas dapat diberikan. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan metode dokumentasi sebagai metode pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data (Mohd Ithnin *et al.*, 2023:132).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti mengenai tema taklik talak di Terengganu. Selain itu, pendapat para ulama dan ahli akademik kontemporari diperlukan dalam mendalami mengenai tema *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengetahui konsep taklik talak di Terengganu dan aplikasinya menurut perspektif *Maqāṣid al-Sharī'ah* berdasarkan setiap pendapat para ulama silam mahupun kontemporari dan ahli akademik kontemporari berkenaan isu ini. Selain itu, karya teks arab mahupun tesis dan artikel jurnal akan dirujuk bagi memahami topik perbincangan.

Bagi perbincangan taklik talak, maka kajian ini hanya menghadkan pencarian kepada aplikasi yang berlaku di Terengganu sahaja. Hal ini berikutan setiap negeri mengamalkan aplikasi taklik talak yang berbeza (Abrahman, 2024:3). Begitu juga, perbincangan menghadkan kepada taklik talak rasmi yang dibaca oleh lelaki setelah akad nikah sahaja.

### 3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

#### 3.1 Konsep Taklik Talak Menurut Fiqh

##### i) Pengertian Taklik Talak

Taklik talak adalah perkataan bahasa arab yang terdiri daripada dua patah perkataan; taklik dan talak. Taklik merupakan perkataan yang berasal daripada kata kerja *عَلَّقَ* yang membawa maksud gantung (Umar, 2008). Maksud taklik daripada istilah pula adalah: Mengikat keberhasilan konteks sesuatu ayat atas keberhasilan konteks sesuatu ayat yang lain (Ibn Nujaim, t.t:2). Manakala talak pula merupakan kalimah yang berasal daripada kata kerja *طَلَّقَ* yang bermaksud meleraikan atau mengosongkan (al-Qazwīnī, 1979:420). Daripada segi istilah, talak bermaksud melepaskan ikatan pernikahan serta merta atau bertanggung dengan lafaz yang khusus (al-Ḥaṣkafī, 2002:205). Pengertian taklik talak oleh sebahagian ilmuwan Islam, sebagai mana yang dicatatkan dalam al-Fiqh al-Manhaji adalah: “Suami menggantungkan jatuh talak isterinya atas sesuatu sifat, atau sesuatu syarat, sama ada perkara tersebut berkemungkinan berlaku pada isterinya atau selain isterinya” (al-Khinn *et al.*, 2015:134).

##### ii) Hukum Taklik Talak

Para ulama berselisih pendapat dalam menetapkan hukum taklik talak kepada 3 kelompok:

**Kelompok pertama;** Jumhur ulama Mazhab Hanafi (al-Kāsānī, 1986:30), Maliki (al-‘Abdarī, 1995:316), Syafie (al-Malībārī, t.t.:517), dan Hanbali (al-Maqdisī, 2003:449), mereka berpendapat bahawa taklik talak adalah sah dalam Islam, jika perkara yang digantungkan itu berlaku, sama ada taklik itu dibuat atas dasar menggalakkan atau melarang isteri melakukan sesuatu perkara, atau sekadar untuk menakutkannya. Pendapat ini berpandukan ayat Al-Quran dalam surah Al-Baqarah ayat ke 229 yang membawa maksud:

﴿الطَّلُقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحُهُ بِإِحْسَانٍ ۗ﴾

“Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik” (Al-Baqarah, 229)

Ayat ini menerangkan keharusan talak dalam Islam, dan menjadikan kuasa menjatuhkan talak itu berada di tangan suami pada asalnya. Dalam ayat ini tidak dinyatakan bahawa talak itu mestilah berlaku serta merta (*munjiz*), bahkan hukum talak ini dinyatakan secara umum tanpa dikaitkan dengan waktu. Justeru, keumuman ayat ini terus kekal atas keumumannya, maka suami boleh untuk menjatuhkan talak secara serta merta atau bertanggung atau menggantungkan jatuh talak atas sesuatu perkara. Para ulama dari kelompok ini juga berhujah dengan kalam Ibn Umar yang diriwayatkan oleh Nafi’:

طَلَّقَ رَجُلٌ امْرَأَتَهُ الْبَتَّةَ إِنْ خَرَجَتْ، فَقَالَ ابْنُ عُمَرَ: إِنْ خَرَجَتْ فَقَدْ بَتَتْ مِنْهُ،  
وَإِنْ لَمْ تَخْرُجْ فَلَيْسَ بِشَيْءٍ

*Seorang lelaki telah menceraikan isterinya sekiranya isterinya itu keluar, kemudian kata Ibn Umar: Sekiranya isterinya itu keluar maka dia telah diceraikan oleh suaminya, jika dia tidak keluar, maka tidak berlaku apa-apa”*(al-Bukhārī, 2001, No. Hadis:5268)

Perkataan Ibn Umar ini menjelaskan bahawa talak yang digantung dengan syarat hanya akan jatuh apabila berlaku syarat tersebut.

**Kelompok kedua;** Ulama Mazhab Zohiri (al-Zāhirī, t.t:476), mereka berpendapat taklik talak adalah tidak sah, sekalipun perkara yang disyaratkan itu berlaku, sama ada taklik talak itu dibuat kerana sumpah (ugutan dalam menggalakkan atau melarang isteri membuat sesuatu perkara) atau memang diniatkan untuk menceraikannya. Mereka berhujah dengan mengatakan bahawa talak yang digantung dengan syarat adalah sama seperti talak dengan sumpah, dan talak dengan sumpah adalah tidak sah di sisi mereka, kerana bersumpah atas selain nama Allah adalah batil (al-Zāhirī, t.t). Ini sebagaimana sabda Rasulullah: “Barangsiapa yang bersumpah, maka jangan bersumpah melainkan dengan nama Allah”(Ḥanbal, 2001, No. Hadis:5462). Mereka juga berhujah dengan mengatakan tidak ada talak selain apa yang disyariatkan oleh Allah SWT, berpandukan ayat pertama dalam Surah Al-Talaq:

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ﴾

*“Wahai Nabi, apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul)” (Al-Talaq: 1)*

Allah SWT memerintahkan agar penceraian mesti dilakukan dalam waktu yang dibenarkan iaitu dalam tempoh suci, maka itu merupakan perintah agar talak dijatuhkan secara serta merta dan tidak boleh digantung dengan apa-apa syarat. Maka menurut kelompok ini, taklik talak adalah tidak sah dalam Islam.

**Kelompok ketiga:** Ibn Taimiyyah (Ibn Taymīyah al-Harrānī, 1987:234) dan muridnya Ibn Qayyim (Ibn Qayyim al-Jawzīyah, 2002:434) berpendapat bahawa taklik talak ini perlu diperhalusi terlebih dahulu, jika niat suami melafazkan taklik talak atas dasar sumpah (menggalakkan membuat atau meninggalkan sesuatu perkara), maka hukumnya adalah tidak sah. Manakala jika niat suami melafazkan taklik talak itu dengan niat untuk menceraikan isterinya apabila berlaku perkara yang digantung talak tersebut, maka sah taklik talak tersebut. Kelompok ini berhujah dengan firman Allah Taala:

﴿وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ ۖ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ﴾

*“Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah.” (Al-Maidah: 9)*

Dalam ayat ini, Allah SWT menerangkan kafarah sumpah apabila seseorang itu melanggar sumpah yang dibuat, maka mereka berpandangan bahawa taklik talak dengan niat sumpah adalah termasuk dalam hukum yang dinyatakan dalam ayat ini. Justeru, suami perlu melunaskan kafarah sumpah apabila perkara yang digantungkan itu berlaku, dan tidak jatuh talak yang digantung itu. Pendapat yang dipilih berdasarkan hujah yang dikemukakan adalah pendapat kelompok pertama, yang dipegang oleh jumhur ulama mazhab yang empat, iaitu taklik talak adalah sah sama ada diniatkan sebagai sumpah (ugutan melakukan atau meninggalkan suatu perkara) atau diniatkan untuk menjatuhkan talak apabila berlaku syarat yang dinyatakan. Sabda Rasulullah SAW:

وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ، إِلَّا شَرَطَ  
إِ حَرَّمَ حَالًا، أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا

*“Orang muslim itu boleh menentukan syarat, kecuali syarat yang menghalalkan perkara haram, atau menghalalkan perkara haram” (al-Tirmizī, 1997, No. Hadis:1352). Al-Tirmizī mengomentari hadith ini sebagai Hasan Sahih.*

Taklik talak adalah syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua suami isteri, dan tidak menyalahi syariat Islam, maka taklik talak ini sah menurut undang-undang Islam.

### **3.2 Aplikasi Taklik Talak di Terengganu**

#### **i) Pengertian Taklik talak menurut Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2017**

Negeri-negeri di Malaysia kecuali Negeri Perlis mengamalkan pelaksanaan taklik talak sebagai salah satu bentuk pembubaran ikatan perkahwinan. Taklik talak terbahagi kepada dua bahagian; taklik talak biasa dan taklik talak rasmi. Taklik talak biasa adalah taklik talak yang dilafazkan oleh suami selain daripada lafaz taklik rasmi yang tertera di belakang sijil nikah, seperti “Jika engkau keluar dari rumah ini, maka jatuh satu talaq”, ini adalah taklik talak biasa, dan turut dibicarakan di Mahkamah Syariah bagi mengesahkan jatuh atau tidak talak tersebut sekiranya apa yang dilafazkan itu benar-benar berlaku.

Taklik talak rasmi pula adalah taklik talak yang perlu dilafazkan oleh suami sejurus akad nikah selesai, lafaz taklik talak yang dibaca adalah berdasarkan lafaz yang tertera di belakang sijil nikah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam bagi setiap negeri. Bagi Negeri Terengganu, pelaksanaan ini termaktub dalam Seksyen 21 (1) Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2017.

“Selepas sahaja akad nikah sesuatu perkahwinan dilakukan, jurunikah hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan *ta'liq* yang ditetapkan atau *ta'liq* lain bagi perkahwinan itu di dalam borang nikah”.

“*Ta'liq* yang ditetapkan” yang disebut dalam Seksyen 21 ini merujuk kepada lafaz taklik talak yang diamalkan di Negeri Terengganu yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), yang tertera di belakang sijil nikah, lafaz taklik talak ini adalah seperti berikut:

“Bahawa saya (nama suami) dengan sesungguhnya melafazkan bahawa tiap-tiap kali saya tidak bersekedudukan dengan isteri saya (nama isteri) selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus-putus, sama ada saya meninggalkan dia atau dia meninggalkan saya, dengan ikhtiar atau terpaksa dan tatkala mengadu dia kepada Hakim Syarie dan tatkala sabit pada sisinya di atas ketiadaan sekedudukan selama itu, maka tertalaqlah isteri saya (nama isteri) dengan satu talaq”.

Berdasarkan lafaz taklik talak ini, suami telah menggantungkan talak isterinya dengan syarat-syarat berikut:

1. Tidak bersekedudukan selama 4 bulan berturut-turut, sama ada suami meninggalkan isteri secara sengaja atau terpaksa, atau isteri meninggalkan suami secara sengaja atau terpaksa.

2. Isteri mengangkat dakwaan kepada Hakim Syarie melalui Mahkamah Syariah.
3. Hakim menyabitkan kesahihan dakwaan isteri tersebut.
4. Hakim menjatuhkan cerai dengan talak satu berdasarkan taklik talak tersebut.

Maka, penceraian berdasarkan taklik talak rasmi ini tidak akan terjadi melainkan keempat-empat perkara ini benar-benar berlaku.

## ii) Prosedur Pembubaran Perkahwinan dengan Taklik talak

Taklik talak adalah salah satu bentuk pembubaran perkahwinan yang dijalankan di Mahkamah Syariah di Negeri Terengganu, seperti yang disebutkan dalam Seksyen 47 (1) Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2017:

“Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapatkan penceraian menurut syarat-syarat perakuan *ta'liq* yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa penceraian yang demikian telah berlaku”.

Prosedur pembubaran perkahwinan dengan taklik talak yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu adalah sama dengan prosedur yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Berikut adalah prosedur yang diamalkan:

**Jadual 1:** Prosedur pembubaran perkahwinan dengan taklik talak yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu

Prosedur	Pihak Terlibat	Tindakan
Kaunter Mahkamah Syariah	Suami atau isteri	<ol style="list-style-type: none"> <li>i) Menyerahkan borang Permohonan Penceraian yang telah dilengkapkan (mengikut format borang negeri masing-masing).</li> <li>ii) Membayar yuran pendaftaran (mengikut kadar ketetapan negeri masing-masing).</li> <li>iii) Mendaftarkan kes perceraian di kaunter.</li> <li>iv) Menerima tarikh dan masa untuk hadir ke mahkamah.</li> </ol>
	Mahkamah Syariah	Menyerahkan saman kepada suami dalam tempoh tidak melebihi 14 hari selepas kes didaftarkan.
Mahkamah Syariah	Suami dan isteri	<ol style="list-style-type: none"> <li>i) Hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan.</li> <li>ii) Membawa bersama dokumen asal bagi sijil nikah atau ruju', dan kad pengenalan atau</li> </ol>



		<p>dokumen pengenalan diri.</p> <p>iii) Suami atau isteri memaklumkan pembelaan kepada hakim.</p> <p>iv) Jika suami atau isteri tidak mencapai persetujuan untuk bercerai, mereka akan menerima tarikh perbicaraan.</p>
Persediaan sebelum perbicaraan	Suami dan isteri	<p>i) Melantik peguam</p> <p>ii) Menyediakan dokumen perbicaraan dalam tempoh tidak melebihi 1 bulan. Senarai semak dokumen perbicaraan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyata tuntutan</li> <li>• Penyata pembelaan dan tuntutan balas</li> <li>• Jawapan kepada tuntutan balas</li> <li>• Dokumen berkaitan dengan pembuktian kes, seperti laporan polis, laporan doktor dan lain-lain</li> <li>• Fakta-fakta yang dipersetujui dan fakta-fakta yang tidak dipersetujui</li> </ul>
Mahkamah Syariah	Suami atau isteri atau kedua-duanya:	<p>i) Hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.</p> <p>ii) Memberikan keterangan.</p> <p>iii) Mengemukakan saksi untuk menyokong keterangan.</p> <p>iv) Mengemukakan dokumen sokongan.</p> <p>v) Mengemukakan hujah bertulis.</p> <p>vi) Menerima keputusan daripada Hakim Syarie.</p>
Jika tuntutan cerai taklik disabitkan:		<p>i) Mahkamah akan mengeluarkan perintah perceraian.</p> <p>ii) Suami dan isteri akan menerima rekod perceraian, dan perlu membawa rekod tersebut dengan segera ke Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk pendaftaran perceraian.</p> <p>iii) Suami dan isteri juga perlu menyerahkan rekod perceraian bersama dokumen asal bagi sijil nikah atau sijil raju', kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri, dan perintah daftar cerai.</p> <p>iv) Suami dan isteri perlu membayar yuran pendaftaran perceraian.</p> <p>v) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) akan mendaftarkan perceraian dan mengeluarkan sijil cerai.</p>

### 3.3 Konsep *Maqāṣid Al-Sharī'ah*

#### i) Definisi *Maqāṣid Al-Sharī'ah*

*Maqāṣid al-Sharī'ah* dari sudut bahasa bermaksud objektif pensyariatan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020). Manakala dari sudut istilah pula, sehingga kini mana-mana definisi yang dikeluarkan tidak sunyi dari kritikan terhadap definisi-definisi yang diutarakan (Abdul Wahab Md. Ali *et al.*, 2022). Antara definisi-definisi yang dipilih boleh dilihat dari Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2:** Definisi-definisi *Maqāṣid al-Sharī'ah* terpilih

Tokoh	Definisi <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>
Allāl Al-Fāsī	Tujuan pensyariatan dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukumnya (al-Fāsī, 1993). Ini merupakan definisi yang dipilih oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2020).
Aḥmad Al-Raysūnī	Tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh syariah untuk direalisasikan bagi kemaslahatan manusia (al-Raysūnī, 1995, 1999).
Muḥammad Sa'ad Al-Yūbī	Makna, hikmah dan seumpamanya yang diambil kira oleh syarak dalam pensyariatan secara umum atau secara khusus dengan tujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia (al-Yūbī, 1998).
Kesimpulan	Perkara yang menjadi tujuan syarak yang difahami melalui penelitian yang menyeluruh dan mendalam (Alias <i>et al.</i> , 2020:100).

Ilmuwan Islam telah membahagi *Maqāṣid al-Sharī'ah* kepada beberapa bahagian berdasarkan penelitian mendalam terhadap dalil-dalil syarak (Ibn 'Āshūr, 2011:134). Secara umum, syariat Islam bertujuan untuk memberikan kebaikan dan menghindarkan keburukan dari manusia, serta menjamin kepentingan mereka. Kepentingan manusia yang menjadi fokus utama syarak terdiri dari tiga jenis (al-Najjār, 2008:7) :

- a) ***Maqāṣid Ḍarūriyyāt***: Ia merupakan perkara yang mana kehidupan manusia memerlukan dan bergantung kepadanya. Jika sekiranya perkara tersebut tiada, manusia akan mengalami kesukaran dalam kehidupannya di dunia mahupun akhirat. Seperti contoh perintah keluar berperang ketika diserang. *Ḍarūriyyāt* terbahagi kepada lima asas utama iaitu: memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda. Setiap urusan agama dibina atas perkara-perkara ini mengikut keutamaan yang telah ditetapkan oleh para ulama (Pejabat Mufti Wilayah

Persekutuan, 2019a). Hal ini disebut oleh al-Ghazālī sebagai *ḍarūriyyāt al-khams* (*ḍarūriyyāt* lima) iaitu (al-Ghazālī, 1997):

**Jadual 3:** Lima prinsip asas *ḍarūriyyāt*

No.	Prinsip	Penjelasan	Contoh
1	Memelihara Agama	Kewajipan memelihara agama diutamakan daripada perkara lain.	Wajib berperang untuk mempertahankan Islam jika syarat-syarat tertentu dipenuhi.
2	Memelihara Nyawa	Prinsip kedua terpenting yang memerlukan perlindungan nyawa manusia.	Larangan membunuh, sama ada diri sendiri atau orang lain, dan wajib ganti seperti qisas, diyat, atau kaffarah bagi mereka yang melakukan pembunuhan.
3	Memelihara Akal	Islam menuntut pemeliharaan akal kerana ia adalah anugerah dari Allah SWT yang membezakan manusia dari makhluk lain.	Larangan penggunaan arak dan bahan-bahan memabukkan lain kerana boleh merosakkan akal.
4	Memelihara Keturunan	Islam melarang daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan keturunan.	Galakan perkahwinan sebagai cara untuk memelihara keturunan dan melarang perzinaan untuk mencegah kerosakan kepada keturunan dan nasab.
5	Memelihara Harta	Prinsip terakhir dalam <i>ḍarūriyyāt al-khams</i> yang memerlukan perlindungan harta.	Larangan mencuri dan merompak untuk memelihara harta, dan menggalakkan mencari rezeki halal.

- b) **Maqāṣid Ḥājiyyāt:** perkara yang diperlukan oleh manusia bagi memberikan kemudahan kepadanya dan menghilangkan kesukaran. Ketiadaan perkara-perkara *al-ḥājiyyat* tidak membawa kepada kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana ketiadaannya perkara-perkara *al-ḍarūriyyāt*, namun ia akan membawa kepada kesukaran dalam kehidupan manusia. Contoh perkara tersebut adalah keharusan jual beli, sewa-menyewa, pinjaman, dan keringanan dalam menjalankan ibadah ketika sakit atau bepergian. Semua hal ini menyokong *Maqāṣid Ḍarūriyyāt* seperti dijelaskan sebelumnya.
- c) **Maqāṣid Taḥsiniyyāt:** Perkara-perkara yang menyempurnakan dan mencantikkan urusan manusia. Ketiadaan perkara-perkara *al-taḥsiniyyāt* tidak membawa kepada kesukaran dalam hidup manusia seperti mana ketiadaannya perkara-perkara *al-ḍarūriyyāt* dan *al-ḥājiyyat*, tetapi keberadaannya akan membawa kepada kehidupan yang lebih sempurna buat manusia. Contohnya

mempunyai pakaian dengan berbagai corak dan warna, memiliki kendaraan mewah, dan rumah yang besar (JAKIM, 2021).

## ii) Evolusi dan Perkembangan *Maqāṣid al-Sharī'ah*

Konsep *Maqāṣid al-Sharī'ah* telah dipraktikkan sejak era Nabi SAW lagi. Antara buktinya dapat dilihat dari hadith Anas bin Mālik katanya:

غَلَا السِّعْرُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ سَعِّرَ لَنَا فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمُسَعِّرُ الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الرَّزَّاقُ وَإِنِّي لَأَرْجُو أَنْ أَلْقَى رَبِّي وَلَيْسَ أَحَدٌ مِنْكُمْ يَطْلُبُنِي بِمَظْلَمَةٍ فِي دَمٍ وَلَا مَالٍ

Terjemahan: *Pernah terjadi kenaikan harga pada masa Rasulullah SAW, maka orang-orang berkata: Wahai Rasulullah, tetapkanlah harga untuk kami. Lalu Baginda bersabda: Sesungguhnya Allah Sang Penetapan Harga, Penggenggam, Pembentang dan Pemberi Rezeki. Aku berharap bertemu dengan Tuhanku dan tidak ada seorang pun dari kalian yang menuntut perbuatan zalim yang aku pernah lakukan kepadanya, baik berupa darah (qisas) maupun harta (al-Tirmizī, 1997, No. Hadis:1314). Al-Tirmizī mengomentari hadith ini dengan Hasan Sahih.*

Dalam hadis ini, Nabi SAW menolak untuk menetapkan atau mengawal harga barang melalui dasar kawalan harga. Hal ini kerana Baginda membimbangi perkara tersebut bakal menzalimi peniaga. Ini berbeza dengan keadaan sekarang (Ibrahim, 2019:24). Menurut Ibn Qayyim penetapan harga ini menjadi satu kewajiban ekoran menjaga kemaslatan manusia, yang jika tiada cara lain untuk mengelakkan sebarang kerosakan melainkan dengan cara menetapkan harga (Ibn Qayyim al-Jawzīyah, 2020:331). Justeru dilihat penggunaan corak *Maqāṣid al-Sharī'ah* diaplikasikan iaitu memelihara harta (Ibrahim, 2019:24).

Corak berijtihad yang demikian telah diwarisi dari zaman imam-imam mujtahid hingga ke hari ini. Ini telah diakui oleh majoriti cendekiawan dalam ilmu usul dan furu' (Ibrahim, 2019:24), begitu juga menjadi satu keperluan dan kewajiban ke atas para fuqaha untuk menguasai perbincangan *Maqāṣid al-Sharī'ah* sebaiknya sepertimana keperluan menguasai nas-nas syarak itu sendiri. Jika tidak, 'ilmu fiqh akan menjadi tanpa roh dan jiwa, kontang tujuan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019b).

Kini, *Maqāṣid al-Sharī'ah* telah berkembang menjadi satu 'ilmu yang berdiri dengan sendiri dan bukan lagi sekadar satu topik/bab dalam 'ilmu usul fiqh. Sekian ramai para ulama dan pemikir Islam yang membicarakan mengenainya dalam karya-karya mereka. *Maqāṣid al-Sharī'ah* turut dijadikan sebagai parameter dan kayu ukur kepada pelbagai bidang; antaranya ialah isu hak asasi manusia, pembangunan ekonomi, urus tadbir negara, amalan berpolitik, penjagaan alam sekitar serta tadbir urus institusi kewangan dan perbankan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019b).

### 3.4 Konsep Dan Aplikasi Taklik Talak Terengganu Menurut *Maqāṣid Al-Sharī'ah*

Berdasarkan perbincangan kajian berkenaan konsep taklik talak di Terengganu sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa taklik talak adalah suatu jalan keluar bagi para isteri yang dianiaya oleh suami mereka (Miszairi Sitoris *et al.*, 2021:110). Hal ini berikutan pada asalnya talak taklik merupakan hak mutlak suami. Para isteri tidak mempunyai kuasa untuk melafazkan talak taklik (al-Buhūtī, t.t.).

Menurut Tengku Md Fauzi *et al.* (2016), apabila membincangkan hukum sesuatu perkara, ia perlu juga dilihat daripada aspek *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Secara umumnya memahami *Maqāṣid al-Sharī'ah* bermaksud memahami objektif pensyariatan sesuatu perkara sama ada mendatangkan kemaslahatan atau menghilangkan mudarat. Penelitian terhadap aspek *Maqāṣid al-Sharī'ah* ini telah menjadi satu keperluan pada hari ini lebih-lebih lagi dalam bidang ijihad dan fatwa sesuatu tempat (Tengku Md Fauzi *et al.*, 2016:91).

Antara prinsip utama *Maqāṣid al-Sharī'ah* ialah mencapai kebaikan dan menghindari keburukan. Syariat Islam menganjurkan agar manusia melaksanakan kedua-dua prinsip ini. Oleh sebab itu, Allah memerintahkan perkara yang membawa kesan positif kerana ia menghasilkan kebaikan dan melarang perkara yang bersifat negatif kerana ia membawa keburukan (Ibn 'Abd al-Salām, t.t.:14). Ulama memperincikan kebaikan kepada tiga jenis, iaitu kebaikan yang sangat penting (*maslahah al-darūriyyāt*), kebaikan yang diperlukan (*maslahah al-hājiyyāt*), dan kebaikan yang melengkapkan (*maslahah al-taḥsīniyyāt*). Antara yang terpenting ialah *maslahah al-darūriyyāt* kerana ia memfokuskan kepada penjagaan lima perkara utama iaitu agama, diri, akal, keturunan, dan harta (al-Ghazālī, 1992:481). Justeru kajian akan meneliti konsep dan aplikasi taklik talak di Terengganu berdasarkan ketiga-tiga kategori *maqāṣid* ini.

#### i) Taklik talak untuk keperluan hidup (*Darūriyyāt*)

*Darūriyyāt* adalah kepentingan yang berkaitan dengan keperluan asas manusia di dunia dan akhirat. Jika ia tidak ada dan diabaikan, kehidupan manusia akan terganggu, kehilangan nikmat kekal di dunia, dan mengalami penderitaan serta penyesalan di akhirat (Syahabudin, 2014). Jika dilihat daripada asas hikmah pensyariatan taklik talak adalah bagi memelihara hak dan kebajikan isteri iaitu apabila suami meninggalkan isteri tanpa nafkah zahir dan batin selama empat bulan berturut-turut. Perletakan had empat bulan adalah berdasarkan hadith Saidina Umar iaitu:

عن عبد الله بن دينار قال: خرج عمر بن الخطاب من الليل فسمع امرأة تقول:  
:تطاول هذا الليل واسود جانبه وأرقني ألا خليل ألاعبه فوالله لولا الله أني  
أراقبه لحرك من هذا السرير جوانبه فسأل عمر ابنته حفصة: كم أكثر ما

تصبر المرأة عن زوجها؟ فقالت: ستة أشهر، أو أربعة أشهر. فقال عمر : لا أحبس أحداً من الجيوش أكثر من ذلك.

Terjemahan: *Daripada Abdullah bin Dinar berkata: Umar bin Al-Khattab keluar pada waktu malam dan mendengar seorang wanita berkata: Malam ini begitu panjang dan gelap bahagian tepinya, dan aku tidak boleh tidur tanpa seorang kekasih untuk bermain-main dengannya. Demi Allah, jika bukan kerana aku takut kepada-Nya, sudah pasti aku akan menggerakkan sisi katil ini. Lalu Umar bertanya kepada anak perempuannya, Hafsa: Berapa lama seorang wanita boleh bersabar tanpa suaminya? Hafsa menjawab: Enam bulan, atau empat bulan. Maka Umar berkata: Aku tidak akan menahan sesiapa dari pasukan tentera lebih daripada tempoh itu (al-Baihaqī, 2003:51).*

Justeru itu, keselarian taklik talak dan hikmahnya dalam memelihara hak dan kebajikan isteri dapat dilihat dengan lebih jelas daripada Jadual 4 di bawah. Kajian telah menyusun perbahasan menurut prinsip-prinsip *ḍarūriyyāt* yang lima (*ḍarūriyyāt al-khams*) iaitu:

**Jadual 4:** Penerapan lima prinsip *ḍarūriyyāt* dalam penetapan taklik talak di Terengganu

No.	Prinsip <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>	Korelasi dengan Taklik Talak di Terengganu	Contoh Isu
1	Memelihara Agama	Taklik talak yang menetapkan suami tidak memberi nafkah zahir dan batin selama 4 bulan berturut-turut menunjukkan usaha untuk memastikan hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan dipenuhi, sejajar dengan ajaran Islam. Ini juga bertujuan untuk mencegah isteri daripada terlibat dalam maksiat akibat pengabaian nafkah batin.	Seorang suami tidak solat dan meninggalkan isteri tanpa nafkah, menjejaskan kebahagiaan perkahwinan. Isteri mungkin tergoda untuk melakukan maksiat akibat kekurangan nafkah batin.
2	Memelihara Nyawa	Dengan adanya taklik talak, wanita mendapat perlindungan daripada bahaya fizikal dan emosi akibat suami yang mengabaikan tanggungjawab.	Seorang isteri yang mengalami tekanan dan kemurungan kerana suami tidak memberi nafkah.

3	Memelihara Akal	Perlindungan mental dan emosi isteri terjamin dengan adanya taklik talak, mengelakkan daripada gangguan mental akibat pengabaian suami.	Isteri mengalami stres kronik akibat pengabaian suami, menjejaskan kesejahteraan mentalnya.
4	Memelihara Keturunan	Taklik talak memastikan kelangsungan kehidupan keluarga dan kesejahteraan anak-anak apabila tanggungjawab suami dipatuhi, atau perkahwinan diakhiri jika tidak dipenuhi.	Anak-anak terabai kerana suami tidak menunaikan tanggungjawab, memberi kesan negatif kepada mereka.
5	Memelihara Harta	Menjamin hak isteri dan anak-anak terhadap nafkah dan keperluan hidup, mencegah pengabaian kewangan oleh suami yang boleh menjejaskan kehidupan ekonomi keluarga.	Isteri dan anak-anak terpaksa hidup dalam kemiskinan kerana suami tidak memberikan nafkah.

## ii) Taklik talak untuk keperluan kelengkapan hidup (Hājīyyāt)

Hājīyyāt merupakan suatu tujuan untuk menghilangkan kesempitan, yang mana kebiasaannya kesempitan itu akan menimbulkan kesulitan dan kesukaran kepada mereka (Syahabudin, 2014). Sekiranya maqasid ini tidak dipelihara dengan baik, ia tidaklah membawa kepada kepincangan hidup manusia sebagaimana ketiadaan *masalah al-darūriyyāt*, akan tetapi boleh membawa kesulitan hidup kepada manusia (Abdul Rahim *et al.*, 2006).

Taklik talak di Terengganu bukan sahaja memenuhi keperluan asas (*darūriyyāt*) tetapi juga melibatkan keperluan kelengkapan hidup (*hājīyyāt*). Dalam konteks *hājīyyāt*, taklik talak membantu mengurangkan kesulitan dan memastikan kesejahteraan emosi, psikologi, dan fizikal isteri serta anak-anak. Nafkah batin, yang merangkumi hubungan intim dan sokongan emosi, adalah penting untuk kesejahteraan psikologi dan emosi isteri. Pengabaian nafkah batin boleh menyebabkan keruntuhan rumah tangga (Muhammad & Jasmi, 2004). Sebagai contoh, jika suami tidak memberi perhatian atau kasih sayang kepada isteri selama empat bulan berturut-turut, isteri mungkin mengalami stres dan kemurungan.

Nafkah zahir pula melibatkan makanan, pakaian, dan tempat tinggal yang selesa ('Abdullah, 1963:332). Tempat tinggal yang selesa adalah asas kepada kesejahteraan fizikal dan mental. Jika suami tidak menyediakan tempat tinggal yang selesa atau selamat, ini boleh menyebabkan ketidakselesaian dan risiko kepada keselamatan isteri dan anak-anak. Keperluan pendidikan dan kebajikan anak-anak juga termasuk dalam *hājīyyāt*. Suami perlu memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang baik dan penjagaan mencukupi. Pengabaian terhadap aspek ini boleh menyebabkan anak-anak ketinggalan dalam pelajaran dan menghadapi masalah sosial (al-Khinn & al-Bughā, 1987:169). Sokongan kewangan yang stabil adalah penting untuk mengelakkan kesusahan kewangan. Jika suami tidak memberi

nafkah kewangan selama empat bulan berturut-turut, isteri mungkin menghadapi masalah kewangan yang serius.

Taklik talak di Terengganu membantu memastikan kesejahteraan emosi, psikologi, dan fizikal isteri serta anak-anak. Dengan menetapkan bahawa suami yang mengabaikan nafkah zahir dan batin selama empat bulan berturut-turut boleh dikenakan taklik talak, peraturan ini membantu mengurangkan kesusahan hidup dan memastikan kelengkapan hidup yang selesa dan stabil bagi keluarga. Ini menunjukkan bahawa taklik talak tidak hanya bertujuan untuk memenuhi keperluan asasi (*darûriyyât*) tetapi juga memastikan keperluan kelengkapan hidup (*hâjiyyât*) dipenuhi, mengelakkan kesulitan yang boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan rumah tangga.

### **iii) Taklik talak untuk kesejahteraan hidup (Tahsîniyyât)**

Tahsîniyyât adalah masalah yang diperlukan oleh manusia untuk menambah kemudahan dan kesenangan dalam hidup mereka. Ia berkaitan dengan tuntutan maruah yang berkehendak berpegang dengan adat yang baik dan budi pekerti yang mulia. Namun, ketiadaan masalah ini tidaklah membawa kepada kepincangan hidup manusia sepertimana dalam masalah *darûriyyât* dan tidak pula membawa kepada kesukaran hidup mereka sebagaimana berlaku di dalam masalah *hâjiyyât*, hanya untuk menjamin kelancaran hidup manusia di dalam masyarakat (Abdul Rahim *et al.*, 2006).

Taklik talak di Terengganu dari perspektif *tahsîniyyât*, tidak hanya memastikan keperluan asas dan kelengkapan hidup dipenuhi, tetapi juga memperindah dan menyempurnakan kehidupan berkeluarga. Ia menjaga martabat dan penghormatan isteri, memberikan hak untuk menuntut perceraian jika suami mengabaikan tanggungjawab nafkah zahir dan batin. Ini menghindarkan isteri daripada hidup dalam keadaan memalukan atau tidak beretika. Taklik talak meningkatkan kualiti hidup dengan memastikan hubungan penuh kasih sayang dan saling menghormati, serta membentuk nilai-nilai moral dan adab yang baik dalam keluarga. Ia juga menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan moral dan spiritual, memastikan suasana rumah tangga yang positif dan mendukung pertumbuhan peribadi yang baik. Keseluruhannya, taklik talak membantu membentuk keluarga dan masyarakat yang lebih harmoni, bermartabat, dan beradab.

## **4.0 KESIMPULAN**

Taklik talak di Terengganu memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan perlindungan hak isteri menurut perspektif *Maqâsid al-Sharî'ah*. Dalam konteks *darûriyyât*, taklik talak melindungi keperluan asas isteri seperti agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Dengan menetapkan bahawa suami yang mengabaikan nafkah zahir dan batin selama empat bulan berturut-turut boleh dikenakan taklik talak, peraturan ini memastikan hak dan kebajikan isteri terjaga, mengelakkan daripada terlibat dalam maksiat atau mengalami tekanan emosi dan fizikal.



Dalam konteks *ḥājiyyāt*, taklik talak membantu mengurangkan kesulitan hidup dan memastikan kelengkapan hidup isteri dan anak-anak dipenuhi. Ini termasuk nafkah batin yang penting untuk kesejahteraan psikologi dan emosi, serta nafkah zahir yang melibatkan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal yang selesa, dan pendidikan anak-anak.

Dari perspektif *taḥsīniyyāt*, taklik talak memastikan martabat dan penghormatan isteri terpelihara. Ia memberikan hak kepada isteri untuk menuntut perceraian jika suami mengabaikan tanggungjawabnya, seterusnya meningkatkan kualiti hidup keluarga dengan memastikan hubungan yang penuh kasih sayang dan saling menghormati. Keseluruhannya, taklik talak di Terengganu membantu membentuk keluarga dan masyarakat yang lebih harmoni, bermartabat, dan beradab.

Kesimpulannya, taklik talak adalah mekanisme yang penting dalam melindungi hak isteri dan memastikan keadilan dalam perkahwinan, sesuai dengan objektif *Maqāṣid al-Sharī'ah* untuk mencapai kebaikan dan menghindari keburukan. Kajian seterusnya mencadangkan sebuah kajian lanjutan dibuat dalam mengukur kesan taklik talak terhadap psikologi wanita agar sebuah dapatan rintis dapat diperoleh.

### **Sumbangan Pengarang**

Abrahman, M. I., Dzulraidi, D. H., Roslan, M. A. & Ramli, S. Proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

### **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

### **RUJUKAN**

- Abdul Rahim, R. A., Awang, I., & Ismail, P. (2006). Pendekatan Baru Maqasid Al-Shariah dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 3, 35–80.
- 'Abdullah, 'U. (1963). *Ahkam al-Shari'ah al-Islamiyyah fi Ahwal al-Shakhsiyyah*. Dar al-Ma'arif.
- Abrahman, M. I. (2024). *The Pronouncement of Ta'Līq Al-Talāq (Conditional Divorce) and Its Judicial Procedures in the Islamic Family Law (Terengganu): An Analytical Islamic Jurisprudence Study*. Tesis Sarjana dari Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- al-'Abdarī, M. Y. (1995). *al-Tāj wa-al-Iklīl li-Mukhtaṣar Khalīl* (1 ed., Vol. 5). Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Baihaqī, A. 'A. (2003). *al-Sunan al-Kubrā* (Muhammad Abdul Qādir 'Aṭā,' Ed.). Maktabah al-'Ilmiyah.

- al-Buhūfī, M. Y. (t.t.). *Kashshāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'* (Hilāl Muşayliḥī Muştafā Hilāl, Ed.; Vol. 5). Maktabat al-Naşr al-Ḥadīthah.
- al-Bukhārī, M. I. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Vol. 7). Dār Ṭawq al-Najāh.
- al-Fāsī, 'A. (1993). *Maqāşid al-Sharī'ah al-Islāmīyah wa Makārimuhā*. Dār al-Gharab al-Islāmī.
- al-Ghazālī, A. Ḥ. M. (1992). *al-Mustaşfā min 'Ilm al-Uşūl*. Syarikat Penerbitan Madinah al-Munawwarah.
- al-Ghazālī, A. Ḥ. M. (1997). *al-Mustaşfā min 'Ilm al-Uşūl* (Vol. 1). Muassasah al-Risalah .
- al-Ḥaşkafī, 'A. M. 'A. (2002). *al-Durr al-Mukhtār sharḥ Tanwīr al-Abşār wa-Jāmi' al-Biḥār* ('Abd al-Mun'im Khalīl Ibrāhīm, Ed.; 1 ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmīyah.
- Alias, M. N., Husni, A. M., Kamis, M. S., Samsudin, M. A., Omar, A. F., & Mokhtar, A. I. (2020). Perbezaan Antara Masalah Mursalah Dengan Maqasid Syariah. *Journal of Education and Social Sciences*, 15(1), 97–104.
- al-Kāsānī, 'A. A. B. M. (1986). *Badā'i' al-Şanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'* (2 ed., Vol. 3). Dār al-Kutub al-'Ilmīyah.
- al-Khinn, M., & al-Bughā, M. (1987). *al-Fiqh al-Manhajī*. Maṭba'ah al-Şabāḥ.
- al-Khinn, M., al-Bughā, M., & Al-Sharbajī, 'Alī. (2015). *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Vol. 4). Dār al-Qalam.
- al-Malībārī, Z. A. 'A. 'A. (t.t.). *Fath al-Mu'īn bi-sharḥ Qurrat al-'Ayn bi-Muhimmāt al-Dīn* (1 ed.). Dār ibn Ḥazm.
- al-Maqdisī, 'A. R. I. (2003). *al-'Uddah sharḥ al-'Umdah*. Dār al-Ḥadīth.
- al-Najjār, 'A. M. (2008). *Maqāşid al-Sharī'ah Bi Ab'ād Jadīdah* . Dār al-Gharb al-Islāmī .
- al-Qazwīnī, A. F. (1979). *Mu'jam Maqāyīs al-lughah* ('Abd al-Salām Muḥammad Ḥārūn, Ed.; Vol. 3). Dār al-Fikr.
- al-Raysūnī, A. 'A. S. (1995). *Nazariyyat al-Maqāşid 'Inda al-Imām al-Shātibī* (4 ed.). The International Institute of Islamic Thought.
- al-Raysūnī, A. 'A. S. (1999). *Al-Fikr al-Maqāşidī wa Qawā'iduh Wa Fawā'iduh* . Jarīdat al-Zamān.
- al-Tirmizī, M. 'Ī. (1997). *Sunan al-Tirmizī* (Aḥmad Muḥammad Shākir, Ed.; Vol. 3). Maktabah al-Halabī.
- al-Yūbī, M. S. A. (1998). *Maqāşid al-Sharī'ah al-Islāmīyah wa-'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Shar'īyyah*. Dār al-Hijrah.
- al-Zāhirī, 'A. A. (t.t.). *al-Muḥallā bi-al-Āthār* (Vol. 9). Dār al-Fikr.
- Ḥanbal, A. M. (2001). *Musnad Aḥmad* (S. al-Arna'ūt, Ed.; 1 ed., Vol. 9). Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn 'Abd al-Salām, I. (t.t.). *Qawā'id al-Ahkām fī Islāh al-Anām*. Dār al-Qalam.
- Ibn 'Āshūr, M. Ṭ. (2011). *Maqāşid al-Sharī'ah al-Islāmīyyah* . Dār al-Kitāb al-Lubnānī .
- Ibn Nujaim, Z. I. (t.t.). *al-Baḥr al-rā'iq sharḥ Kanz al-daqa'iq* (2 ed., Vol. 4). Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- Ibn Qayyim al-Jawzīyah, M. A. B. (2020). *al-Ṭuruq al-Ḥukmīyyah*. Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Qayyim al-Jawzīyah, M. A. B. (2002). *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'alamīn* (M. Ḥasan Āl Salmān, Ed.; 1 ed., Vol. 4). Dār Ibn al-Jawzī.

- Ibn Taymīyah al-Harrānī, A. 'A. H. (1987). *al-Fatāwá al-Kubrá* (1 ed., Vol. 3). Dār al-Kutub al-'Ilmīyah.
- Ibrahim, M. Y. (2019). Maqasid Al- Shariah: Sejarah Perkembangan Serta Sumbangan Para Ulama Usul Al-Fiqh Awal Dan Muta'akhiri. *International Research Journal of Shariah, Muamalat, and Islam (IRJSMI)*, 1(2).
- Idris, M. A., Muhamad, H., & R Ibrahim, R. Z. A. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. UM Press.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020). *Minda Maqasid*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021, Februari 2). *Tiga Kategori Masalah*. Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/tiga-kategori-masalah-kebaikan>
- Md. Ali, A. W., Ghani, M. H., & Wan Chik, W. M. Y. (2022). Metodologi Pendefinisian Ilmu Maqasid Syariah. *International Journal of Al-Quran and Knowledge (IJQK)*, 2(2), 69–80.
- Mohd Ithnin, N. K., Suliaman, I., & Ibrahim, A. H. (2023). Autentikasi Hadith Penyariatian Khitan Wanita: Suatu Penilaian Semula. *Jurnal 'Ulwan*, 8(1), 128–142.
- Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004*. Bertempat di Dewan Utama, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, hlm. 1–8.
- Nurul Hidayah. (2019, April 23). *Tatacara Perkahwinan Umat Islam di Perlis*. Diakses dari Jabatan Agama Islam Perlis. <https://jaips.perlis.gov.my/index.php/ms/berita-jpbdp/301-tatacara-perkahwinan-umat-islam-di-%20%20negeri-perlis>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019a, Juli 3). *Maqasid Syariah dalam Perubatan*. Diakses dari Laman Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019b, Februari 8). *Pendahuluan Kepada Ilmu Maqasid Syariah*. Diakses dari Laman Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>
- Sitiris, M., Mat Jubri @ Shamsuddin, M., Zakaria, M. S., & Mokhtar, M. N. (2021). Talak Taklik Menurut Fiqah: Analisis Pelaksanaannya dalam Undang-Undang Keluarga Islam serta Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 97–130.
- Syahabudin, S. (2014). Pandangan Al-Syatibi Tentang Maqasid Syari'ah. *An Nisa'a*, 9(2), 81–100.
- Tengku Md Fauzi, T. F. A., Ramli, M. A., & Sharifuddin, N. M (2016). Vaksinasi terhadap Kanak-Kanak Menurut Perspektif Maqasid Syariah. Dalam Saadan Man, Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Raihana Abdul Wahab, & Nurulhuda Ahmad Zaki (Ed.), *Maqasid al-Shariah: Aplikasi Dalam Aspek*

- Sains & Teknologi* (1Publisher ed., hlm. 75–100). Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Umar, A. M. A. H. (2008). *Mu'jam al-lughah al-'Arabīyah al-mu'āṣirah* (1 ed., Vol. 2). 'Ālam al-Kutub.